



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

# UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

الجامعة الإسلامية سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjung Malim  
Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Tel : 05-4506444

Fax : 05-4595429

<http://pendaftar.upsi.edu.my>

E-mail : [pendaftar@upsi.edu.my](mailto:pendaftar@upsi.edu.my)

## Pejabat Pendaftar

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597 (01/17)  
Tarikh : 11 Mei 2017  
14 Syaaban 1438H

## SPP UPSI BIL. 1 TAHUN 2017

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

## PENSTRUKTURAN SEMULA STRUKTUR ORGANISASI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar mengenai penstrukturran semula struktur organisasi Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.9/2017 pada 5 April 2017 dan telah dimaklumkan ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-110 Bil.2/2017 pada 9 Mei 2017.

2. Selaras dengan perkembangan dan keperluan masakini, UPSI perlu membuat perubahan dalam memastikan penyediaan perkhidmatan dan pengurusan yang terbaik dapat diberikan kepada pemegang taruhnya. Perubahan tersebut merupakan satu keperluan yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus UPSI ke arah meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap keupayaan Pengurusan Universiti di dalam melaksanakan dasar dan hala tuju Universiti seperti yang telah dirancang disamping mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian pengurusan.

3. Untuk memenuhi aspirasi tersebut, pihak Pengurusan telah merancang dan membuat perubahan pada acuan pengurusan berdasarkan kepada keperluan semasa dan Universiti dengan melaksanakan perkara seperti berikut;

- 3.1 Penstrukturran semula;
- 3.2 Pengwujudan PTj / Bahagian baru;
- 3.3 Penaiktarafan bahagian dan;
- 3.4 Pindaan nama bahagian berdasarkan fungsi




4. Selaras dengan keputusan ini beberapa beberapa Bahagian / Unit telah distruktur semula, diwujudkan, dinaiktaraf dan dipinda nama seperti di **lampiran A**.
5. Struktur Organisasi Universiti Pendidikan Sultan Idris selepas penstrukturan semula adalah seperti di **lampiran B**.
6. Penstrukturan semula ini berkuatkuasa mulai 16 Mei 2017.
7. Semua warga Universiti Pendidikan Sultan Idris diharap dapat memberikan kerjasama dan sokongan penuh bagi memastikan organisasi berjaya melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan cekap dan berkesan seperti yang telah dirancang.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

#### **"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"**

Yang benar,



(MOHD FAIZI BIN OTHMAN)

Pendaftar

s.k.

Y.Bhg. Dato' Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

